



SULTAN Ibrahim memandu trak Mack tiba di majlis penutupan program KMJ2016 di kawasan Rehat dan Rawat Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL), Pandan, Johor Bahru.



SULTAN Ibrahim (tengah) bersama sekretariat Kembara Mahkota Johor di majlis penutupan program di Pandan, Johor Bahru.

Konvoi diraja labuh tirai semalam

Johor Bahru: Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2016 melabuhkan tirai semalam selepas empat hari Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar menjelajah ke semua daerah di negeri ini untuk bertemu rakyat dengan memandu trak Mack miliknya.

Majlis penutup berlangsung di kawasan Rehat & Rawat (R&R) Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL), Pandan di sini, yang turut di-

hadiri Permaisuri Johor Raja Zarifah Sofiah Sultan Idris Shah.

Turut berangkat Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim; Tunku Temenggong Tunku Idris Iskandar; Tunku Panglima Tunku Abdul Rahman dan Tunku Puteri Tunku Tun Aminah.

Hadir sama Menteri Besar

Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Setiausaha Kerajaan negeri Datuk Ismail Karim, EXCO serta pegawai kanan kerajaan.

Baginda tiba jam 2.45 petang untuk majlis penutupan rasmi kembara berkenaan.

KMJ 2016 yang memasuki edisi ke-19 itu berkonvoi membabitkan perjalanan se-

jauh 842 kilometer

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, KMJ yang mendapat liputan meluas adalah satu jenama baru untuk Johor kerana setiap tahun ada pembaharuan diperkenalkan.

“Semuanya menunjukkan pendekatan inovatif untuk menjadikan perjalanan ini

benar-benar mengesangkan. Tanpa kita sedari, acara tahunan ini menjadi sinonim dengan Johor dan sentiasa dinanti-nantikan.

“Apa yang membuatkan KMJ unik adalah bagaimana Sultan Johor serta seluruh kerabat diraja Johor menyantuni anak bangsa dan sekalian rakyat jelata dengan

pendekatan dan sentuhan tersendiri, bersahaja tanpa protokol dan sangat penuh kemesraan,” katanya.

Beliau berkata, KMJ adalah jenama paling sesuai menggambarkan baginda dan rakyat berpisah tiada dan di terjemahkan dengan bersungguh-sungguh saban tahun tanpa jemu.